



SIARAN AKHBAR

**MAJLIS DOA KESYUKURAN SEMPENA HARI ULANG TAHUN YANG KE TUJUH
PENUBUHAN AUTORITI MONETARI BRUNEI DARUSSALAM
1439H/2018M**

**MASJID JAME' 'ASR HASSANIL BOLKIAH,
BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
HARI KHAMIS, 17 RABIULAKHIR 1439H BERSAMAAN DENGAN 4 JANUARI 2018M**

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) hari ini telah mengadakan Majlis Doa Kesyukuran Sempena Hari Ulangtahun Yang Ke Tujuh Penubuhan Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) di Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
2. Hadir di majlis ini ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah AMBD; Yang Mulia Dato Seri Paduka Haji Mohd Roselan bin Haji Mohd Daud, Pemangku Menteri di Jabatan Perdana Menteri; Ahli-Ahli Lembaga Pengarah AMBD yang lain serta pegawai-pegawai dan kakitangan AMBD.
3. Majlis dimulakan dengan bacaan surah Yassin dan Tahlil, diikuti dengan Doa Kesyukuran Sempena Ulangtahun Ke-Tujuh Penubuhan AMBD, yang dipimpin oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustafa bin Haji Murad, Imam Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh : 17 Rabiulakhir 1438H / 4 Januari 2017M
Rujukan : AMBD/COMMS/3